

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Bagi melaksanakan kajian ilmiah ini, penulis telah memilih empat tajuk iaitu reka cipta cendera mata, mereka cipta pembungkusan cendera mata, reka cipta barang kemas dan mereka cipta pembungkusan barang kemas. Kajian ini diuji melalui projek individu dan kerja kumpulan untuk melihat perbezaan markah folio pelajar yang dinilai oleh tiga orang penilai iaitu guru A, B dan C. Setiap guru diberi borang kosong untuk diisi markah pelajar. Selain itu, buku-buku, kertas-kertas kerja seminar, atrikel-artikel, kajian-kajian lepas yang ada kaitan dengan tajuk penyelidikan juga digunakan.

3.2 SAMPEL KAJIAN

Sampel kajian terdiri daripada pelajar-pelajar Tingkatan 3 dan seramai 38 orang pelajar dari Sekolah Menengah Convent Bukit Nanas, Kuala Lumpur. Pelajar-pelajar tersebut berusia dalam

lingkungan 15 tahun. Semasa mereka di Tingkatan 3, mereka perlu menyiapkan dua tajuk folio dalam setahun sebagai memenuhi syarat untuk mendapatkan sijil PKSM. Tingkatan 3K dipilih kerana pencapaian markah peperiksaan akhir tahun semasa di Tingkatan 2K adalah hampir sama. Jumlah pelajarnya juga tidak berubah.

3.3 BAHAN

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan Folio Pendidikan Seni sebagai alat kajian supaya pelajar dapat menjawab soalan-soalan kajian yang telah dikemukakan dalam Bab 1. Folio ini mengandungi tajuk-tajuk yang berkaitan dengan kerja kumpulan oleh pelajar-pelajar yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Seni Folio tersebut. Folio tersebut terbahagi kepada empat bahagian yang menyentuh aspek-aspek berikut:-

Bahagian A:

Kajian

a) Pemerhatian dan Pengamatan

Pelajar-pelajar dikehendaki membuat catatan pemerhatian mengenai benda-benda alam sekitar yang berkaitan dengan tema dan tajuk.

b) Koleksi bahan yang bersesuaian dengan tema dan tajuk.

Pelajar-pelajar mengumpul bahan-bahan seperti gambar, keratan akhbar dan majalah.

c) Rekod daripada bahan rujukan.

Pelajar-pelajar perlu merekod hasil penemuan, temu bual dengan pihak yang tertentu seperti pandai tukang, tokoh dan pelukis yang berkaitan dengan kajian. Pelajar-pelajar perlu mengadakan lawatan ke tempat-tempat seperti muzium, bengkel, studio dan pameran.

Bahagian B:

Lakaran

a) Eksperimentasi dan Penemuan

Percubaan pelajar untuk mengolah bahan dan teknik yang berkaitan dengan tema dan tajuk.

b) Pewujudan idea yang dilihat melalui lakaran

Pelajar membuat beberapa lakaran kasar yang perlu berpandukan hasil kajian dan penemuan.

c) Perkembangan lakaran yang berkaitan dengan tema dan tajuk.

Pelajar perlu memilih dan memperbaiki lakaran yang paling sesuai dengan projek.

Bahagian C:

Rangka Sebenar

a) Membuat reka cadang, pelan dan lukisan model.

Contoh: Kraf - motif dan reka corak
 Seni Dalam Persekitaran - lukisan
 perspektif, pelan.

Seni dan Komunikasi - reka cadang untuk pembungkusan.

- b) Penentuan bahan dan kos perbelanjaan.
- c) Cadangan mengenai kegunaan dan kesesuaian.

Bahagian D:

Persembahan Folio

- a) Reka bentuk folio hendaklah sesuai dengan tema dan mestilah menarik. Kerja kursus merangkumi folio dan hasil kerja.
- b) Susunan projek mengikut isi kandungan.
- c) Kebersihan dan kemasan.

3.4 PROSEDUR

Bagi tujuan pengumpulan data, pengkaji telah mendapatkan kebenaran dari pengetua sekolah untuk mendapatkan kerjasama guru-guru Pendidikan Seni dalam menjayakan kajian ini. Penilai-penilai diberi penerangan tentang tujuan kajian dan skema pemarkahan folio. Semasa menilai projek folio, penilai tidak dibenarkan berbincang dalam

pemberian markah. Pengkaji telah mengedarkan 16 helai borang markah untuk diisi oleh setiap penilai. Pengkaji telah memberikan tempoh selama seminggu untuk menyemak projek folio untuk setiap ujian. Borang yang telah siap diisi markah, dipungut sebaik sahaja selesai diisi markah.

Penganalisan data dilakukan berdasarkan markah-markah yang diberi oleh ketiga-tiga penilai iaitu guru A, B dan C. Data-data ini telah dikumpul dalam bentuk markah dan telah diproses dengan menggunakan perisian *SPSS Windows 9.0*. Data-data ini diuji dengan menggunakan perisian "*The Statistical Package for Social Sciences*" dan disusun dalam bentuk jadual pembentangan data dibuat dengan taburan purata dan peratusan.

3.4.1 TAJUK

Tajuk Folio 1:

Reka ciptakan satu cenderamata yang kreatif bermotifkan kulit siput sebagai hadiah kepada rakan anda sempena ulang tahun yang ke 15.

Tajuk Folio 2:

Mereka cipta barang kemas perhiasan wanita bermotifkan kulit siput.

Tajuk Folio 3:

Mereka cipta pembungkusan cenderamata yang kreatif untuk dihadiahkan kepada rakan anda sempena hari ulang tahun yang ke 15.

Tajuk Folio 4:

Mereka cipta pembungkusan untuk barang kemas perhiasan wanita bermotifkan rantai leher.

3.4.2 TUGASAN

3.4.2.1 Pra Ujian Individu

Dalam kajian ini seramai 38 orang pelajar dari Tingkatan 3K Sekolah Menengah Convent Bukit Nanas telah dipilih sebagai sampel. Pelajar-pelajar tersebut berusia sekitar 15 tahun. Semasa pra ujian dijalankan, guru tidak memberi sebarang penerangan kepada pelajar. Projek folio dijalankan di dalam kelas sahaja tanpa demonstrasi dan tunjuk

ajar daripada guru. Guru hanya mengawas keadaan kelas sahaja. Tempoh masa yang diberi adalah 3 X 80 minit dalam masa 3 minggu iaitu dari 2 Februari 1999 sehingga 16 Februari 1999.

3.4.2.2 Pra Ujian Kumpulan

Dalam kajian ini pelajar yang sama telah dipilih sebagai sampel. Sebelum ujian dijalankan, pelajar telah memilih pasangan masing-masing untuk membentuk kumpulan. Setiap kumpulan mempunyai 2 orang pelajar dan mereka telah diingatkan supaya membawa alat mereka untuk projek Folio ke 3. Semasa pra ujian dijalankan, meja dirapatkan. Guru tidak memberi sebarang penerangan kepada pelajar. Projek Folio dijalankan di dalam kelas sahaja tanpa demonstrasi dan tunjuk ajar daripada guru. Guru hanya mengawas keadaan kelas sahaja. Tempoh masa mengawas yang diberi adalah 3 X 80 minit dalam masa 3 minggu iaitu dari 2 Mac, 9 Mac dan 16 Mac 1999. Tajuk Folio adalah mereka cipta barang kemas perhiasan wanita bermotifkan kulit siput.

3.4.2.3 Post Ujian Individu

Post ujian individu dijalankan selepas pra ujian secara kumpulan. Ujian dijalankan oleh guru Pendidikan Seni yang sama iaitu pada 8 Jun, 15 Jun dan 22 Jun 1999. Ujian dijalankan sama seperti pra ujian iaitu 3 X 80 minit dalam masa 3 minggu. Tajuk post ujian adalah mereka cipta pembungkusan untuk cenderamata yang kreatif sebagai hadiah kepada rakan anda sempena ulang tahun yang ke 15.

3.4.2.4 Post Ujian Kumpulan

Post ujian kumpulan dijalankan selepas post ujian individu. Ujian dijalankan oleh guru Pendidikan Seni yang sama iaitu pada 6 Julai, 13 Julai dan 20 Julai 1999. Ujian 4 dijalankan sama seperti ujian-ujian lain iaitu 3 X 80 minit dalam masa 3 minggu. Tajuk Ujian 4 ialah mereka cipta pembungkusan untuk barang kemas perhiasan wanita bermotifkan rantai leher. Semasa post ujian dijalankan meja pelajar dirapatkan. Kumpulan pelajar adalah sama seperti pra ujian.

3.4.3 PELAKSANAAN UJIAN

3.4.3.1 Pra Ujian Individu

Pada hari pertama, pelajar-pelajar diberi tajuk Folio Pendidikan Seni 1. Tetapi guru telah mengarahkan pelajar supaya membawa peralatan dan bahan yang diperlukan 3 hari sebelum ujian dijalankan. Semua folio pelajar dikumpul oleh guru sebaik sahaja loceng akhir masa ke dua dibunyikan. Folio tersebut diedarkan semula kepada pelajar pada minggu ke tiga folio tersebut diedarkan kepada pelajar untuk disambung semula dan dikutip oleh guru sebaik sahaja tamat kelas pada hari itu juga.

3.4.3.2 Pra Ujian Kumpulan

Hari pertama, pelajar diberi tajuk Folio Pendidikan Seni 2. Pelajar telah diingatkan supaya membawa peralatan dan bahan yang diperlukan 3 hari sebelum ujian dijalankan. Semua folio pelajar dikumpul oleh guru sebaik sahaja loceng akhir masa ke dua dibunyikan. Folio tersebut diedarkan semula kepada pelajar pada minggu ke dua untuk

disambung semula dan dikumpul semula oleh guru. Begitu juga pada minggu ke tiga.

3.4.3.3 Post Ujian Individu

Pada hari pertama, pelajar diberi tajuk folio Pendidikan Seni 3. Pelajar telah diingatkan supaya membawa peralatan dan bahan yang diperlukan 3 hari sebelum ujian dijalankan. Sebelum ujian dijalankan, guru telah membuat demonstrasi dihadapan kelas teknik dan proses untuk menghasilkan pembungkusan yang menarik dan kreatif. Guru juga memberikan contoh-contoh hasil kerja pelajar yang lepas sebagai rujukan. Guru juga memberi bimbingan kepada pelajar dari masa ke semasa. Semua folio pelajar dikumpul oleh guru sebaik sahaja loceng akhir masa kedua dibunyikan. Proses ini berlangsung selama 3 minggu.

3.4.3.4 Post Ujian Kumpulan

Hari pertama, guru memberi tajuk kepada pelajar. Pelajar telah diberi pendedahan tentang cara-cara melakar corak pada kertas pembungkus. Guru-guru juga memberikan contoh-contoh hasil kerja pelajar yang lepas sebagai

rujukan. Bimbingan diberikan oleh guru dari masa ke semasa. Semua folio pelajar dikumpul oleh guru sebaik sahaja loceng akhir masa kedua dibunyikan. Proses ini berlangsung selama 3 minggu.

3.4.4 PENGUKURAN

Hasil kajian dinilai oleh tiga orang guru Pendidikan Seni (A, B dan C). Markah-markah ujian diisi menggunakan borang markah iaitu kajian (20%), lakaran (40%), rangka sebenar (20%) dan persembahan (20%).